

Proton e.MAS 7 PHEV Kini Dibuka untuk Tempahan, Diuji Sejauh 1,100km

- *Diuji sejauh lebih 1,100 km dari Pulau Pinang ke Johor Bahru melalui siaran langsung 25 jam yang pertama di Malaysia, selama dua hari.*
- *Harga anggaran bermula dari RM110,000 hingga RM130,000 dan kini dibuka untuk tempahan dengan yuran tempahan RM99*, termasuk rebat RM500 ke atas yuran tempahan***

Subang Jaya, 13 Januari 2026 - Proton New Energy Technology Sdn Bhd (PRO-NET), anak syarikat milik pengeluar kereta nasional PROTON, hari ini mengumumkan pembukaan tempahan bagi Proton e.MAS 7 PHEV serba baharu. Model ini menandakan langkah penting buat PROTON dengan pengenalan model sulungnya *Plug-in Hybrid Electric Vehicle* (PHEV), sekali gus menjadikannya Kenderaan Elektrik Dwi-Kuasa pertama di pasaran Malaysia.

Pengumuman pembukaan tempahan ini disusuli dengan pemanduan siaran langsung selama 25 jam selama dua hari yang menyaksikan perjalanan sejauh 1,100km dari Pulau Pinang merentasi sehingga ke Johor Bahru dan berakhir di PROTON Centre of Excellence (COE) melalui Lebuhraya Utara–Selatan. Perjalanan ini bertujuan membuktikan kecekapan penggunaan sebenar Proton e.MAS 7 PHEV, keupayaan pemanduan jarak jauh serta kesesuaiannya untuk keadaan pemanduan di Malaysia.

Pemanduan Siaran Langsung 25 Jam Membuktikan Keupayaan PHEV Dunia Sebenar, Harga Anggaran Diumumkan

Siaran langsung selama dua hari ini menampilkan hos, pakar produk, serta pempengaruh gaya hidup, teknologi dan automotif, berkongsi ulasan pemanduan, sesi soal jawab dan pandangan sepanjang perjalanan.

Perjalanan ini bermula dan berakhir di PROTON COE, dengan kenderaan dwi-kuasa yang sama menamatkan jarak keseluruhan tanpa perlu mengisi minyak atau mengecas tiba di pentas untuk pengumuman pembukaan tempahan. Kejayaan ini menegaskan bahawa Proton e.MAS 7 PHEV mampu dipandu untuk jarak yang lebih jauh sambil kekal praktikal dan mudah digunakan dalam kehidupan seharian.

PRO-NET secara rasmi mendedahkan harga anggaran bagi model PHEV pertamanya. Proton e.MAS 7 PHEV dijangka berada dalam lingkungan RM110,000 hingga RM130,000, menawarkan pemanduan elektrik sebagai keutamaan, memastikan keselesaan dan kemudahan untuk perjalanan jarak jauh rakyat Malaysia.

Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET, berkata: "Proton e.MAS 7 PHEV ialah sebuah pencapaian penting bagi Proton e.MAS apabila kami membuka tawaran dari kereta EV sepenuhnya kepada teknologi hibrid plug-in. Ia direka untuk rakyat Malaysia yang mahu menikmati pemanduan elektrik setiap hari tanpa risau tentang perjalanan jauh."

"Dengan membuka tempahan selepas pemanduan jarak jauh, kami membuktikan bahawa e.MAS 7 PHEV direka untuk memenuhi keperluan pemanduan sebenar rakyat Malaysia."

Prestasi Dwi-Kuasa, Direka untuk Jalan Malaysia

Disokong oleh teknologi PHEV terkini, Proton e.MAS 7 PHEV menawarkan gabungan pemanduan elektrik sebagai keutamaan dengan fleksibiliti hibrid, menjadikannya EV dwi-kuasa pertama yang direka untuk jalan raya Malaysia. Daripada pengurusan sumber kuasa, penukaran automatik antara mod EV/Hibrid, sistem transmisi hibrid khusus 11-dalam-1 kepada Bateri LFP (Lithium Ferro Phosphate) e.MAS 7 PHEV menyeimbangkan praktikaliti dan prestasi. Rekaannya yang moden dan premium, ciri keselamatan ADAS, serta pemanduan elektrik yang senyap dan bebas pencemaran, memberikan pengalaman pemanduan lebih selesa, mudah dan penuh keyakinan sama ada untuk perjalanan harian di bandar, percutian hujung minggu, atau perjalanan jarak jauh antara negeri.

Bagi pemanduan harian, Proton e.MAS 7 PHEV bergerak dalam mod EV atau siri hibrid, di mana enjin petrol tidak memacu roda secara terus tetapi membekalkan tenaga kepada motor P1 untuk mengecas bateri atau mengalirkan elektrik kepada motor P3 yang memacu roda. Apabila enjin petrol lebih cekap seperti memandu di lebuh raya atau mendaki cerun panjang, sistem secara automatik mengaktifkan klac supaya enjin boleh memacu roda secara terus atau bekerjasama dengan motor, P3 memberikan keseimbangan terbaik antara prestasi dan praktikaliti.

Ini memastikan kecekapan dan prestasi optimum, menggabungkan kemudahan pemanduan elektrik dengan kuasa enjin petrol apabila diperlukan, sambil memberikan pengalaman pemanduan yang lancar, praktikal dan selamat, sesuai dengan gaya hidup sebenar rakyat Malaysia

Tempahan Dibuka dan Nikmati Keistimewaan Pemilik Awal

Tempahan Proton e.MAS 7 PHEV kini dibuka. Pelanggan boleh mendaftar minat melalui laman web rasmi Proton e.MAS atau membuat tempahan terus di bilik pameran Proton e.MAS sah di seluruh negara.

Untuk membuat tempahan, hanya bayar yuran tempahan RM99* dan nikmati keistimewaan eksklusif pemilik awal:

- Rebat RM500 untuk yuran tempahan**

** Tertakluk kepada terma dan syarat*

***Tawaran ini sah untuk 5,000 pelanggan pertama yang berjaya mendaftar Proton e.MAS 7 PHEV*

Lawati laman web rasmi Proton e.MAS dan ikuti saluran media sosial rasmi kami di Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial) dan Instagram (@protonemasofficial) untuk maklumat lanjut mengenai Proton e.MAS 7 PHEV.

#PROTONeMAS7PHEV #DualPoweredEV #OpenYourWorld

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik dan tenaga baharu nasional pertama Malaysia, sub-jenama PROTON yang diedarkan oleh PRO-NET. Sebagai peneraju dalam pengambilan EV dan pembangunan ekosistem jenama, Proton e.MAS komited memacu transformasi ke arah pengangkutan lestari dengan fokus yang teguh terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian bilik pameran yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh, serta ekosistem lengkap kami memastikan setiap pelanggan menikmati

pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selaras dengan syarikat induk PROTON, ialah **MENGINSPIRASI HUBUNGAN** dengan sentiasa menyediakan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan standard antarabangsa. Proton e.MAS diperkenalkan pada 12 Jun 2024. Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Christopher Ng

Manager, PR & Communications

Telephone: +6012-818 7597

Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah

Senior Executive, Public Relations

Telephone: +6017-232 6225

Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran

H/Advisors Klareco

Telephone: +6014 345 2006

Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global